

**PENYEDIAAN KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA
KHAS WANITA DI
TESCO EXTRA MUTIARA RINI, SKUDAI**

NOR ZUBAIDAH BINTI SIDEK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENYEDIAAN KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA KHAS WANITA
DI TESCO EXTRA MUTIARA RINI, SKUDAI

NOR ZUBAIDAH BINTI SIDEK

Laporan projek ini dikemukakan sebagai mematuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Sains
(Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2017

DEDIKASI

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana diberikan saya kehidupan dalam keluarga yang penuh dengan kasih sayang

Ayahanda **Sidek Bin Sabran** dan bonda **Siti Shamsiah Binti Lukman** dan seluruh ahli keluarga

Doa dan pengorbananmu mengiringi kejayaan

Terima kasih kerana sentiasa bersama di kala suka dan duka
Menjadi sumber inspirasi dan segalanya.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan izin, limpah dan rahmatNya, kajian ini dapat disiapkan. Selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada **Dr. Robiah Binti Suratman** kerana sudi menyelia kajian saya dan memberi tunjuk ajar dari mula sehingga kajian ini dapat disempurnakan. Ketelitian dan kesabaran beliau semasa menyelia kajian ini amat saya hargai.

Buat ayahanda dan bonda tercinta **Sidek Bin Sabran, Siti Shamsiah Binti Lukman** serta seluruh keluarga. Kasih sayang, pengorbanan, dorongan dan semangat yang diberikan tidak dapat digambarkan melalui kata-kata. Terima kasih di atas segalanya.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada semua yang sama-sama membantu dalam menyiapkan kajian ini. Semoga Allah S.W.T sentiasa memberi kebahagiaan, rezeki dan rahmat kepada kita semua.

ABSTRAK

Penyediaan kemudahan tempat letak kereta khas wanita telah lama dilaksanakan di negara luar seperti Jerman, China, Korea Selatan, Indonesia dan lain-lain. Hal ini, adalah berikutan usaha dan kesedaran sesetengah pihak yang bertanggungjawab bagi menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa kepada golongan wanita. Rentetan itu, Malaysia turut tidak ketinggalan melaksanakan kemudahan berkenaan bagi tujuan meningkatkan tahap keselamatan golongan wanita khususnya di kawasan-kawasan berpotensi berlaku jenayah seperti di tempat letak kereta. Oleh itu, kajian ini cuba menyingkap secara terperinci tentang penyediaan tempat letak kereta khas wanita dengan mengambil satu pendekatan kajian kes iaitu di tempat letak kereta Tesco Extra Mutiara Rini, Skudai yang bertujuan untuk mengenalpasti antara kecenderungan yang membuatkan pihak Tesco menyediakan kemudahan berkenaan serta perspektif masyarakat terhadapnya. Penilaian keatas kajian ini diperolehi menerusi temu bual bersama pihak pengurusan Tesco Extra Mutiara Rini dan pandangan masyarakat melalui edaran borang soal selidik. Kajian ini mendapati penyediaan kemudahan tempat letak kereta khas wanita di pasaraya besar tersebut adalah usaha dan kesedaran dari pihak atasan Tesco (Malaysia) Sdn. Bhd maka Tesco cawangan baru hanya mengikuti arahan. Selain itu, kajian juga mendapati masyarakat bersetuju terhadap penyediaan kemudahan tempat letak kereta khas wanita ini namun hasil kajian mendapati masyarakat lebih setuju sekiranya penyediaannya berdasarkan garis panduan yang sebenar agar pelaksanaannya lebih berjaya selaras dengan tujuannya.

ABSTRACT

The provision of women parking space had been implemented in Germany, China, South Korea, Indonesia and also in Malaysia. These are due to the efforts and awareness of responsible parties for providing a safe and comfortable environment for women. Therefore, a case study has been carried out in the parking lots at Tesco Extra Mutiara Rini, Skudai, as to identify what are the tendency and what are the community perspective on that facilities. The evaluation of this study were collected through interviews with management of Tesco Extra Mutiara Rini and based on public opinion through the distribution of questionnaires. This study found that the provision of ladies parking at the hypermarkets was a realization from the head quarter of Tesco (Malaysia) Sdn. Bhd and for the new branch of Tesco has to follow the instructions. In addition, this study also found that public agreed to the provision of ladies parking facilities but the provision is must based on the provided guidelines as for successful implementation toward the aiming for providing a good facilities especially for women safety.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	v
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	SENARAI KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN KATA	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Latar Belakang	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat Kajian	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Skop Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Metodologi Kajian	8
	1.7.1 Peringkat Kajian Awalan	8
	1.7.2 Peringkat Kajian Literatur	8
	1.7.3 Peringkat Kajian Lapangan	9
	1.7.4 Peringkat Analisis Kajian	9
	1.7.5 Peringkat Rumusan dan Cadangan	10

1.8	Susunan Bab	10
2	PENYEDIAAN KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA KHAS WANITA DI PUSAT MEMBELI-BELAH	
2.1	Pengenalan	12
2.2	Definisi	12
2.2.1	Definisi Tempat Letak Kereta	13
2.2.2	Definisi Tempat Letak Kereta Khas Wanita	14
2.2.3	Definisi Pusat Membeli-belah	14
2.2.4	Definisi Pasar Raya	14
2.2.5	Definisi Pasaraya Besar	15
2.3	Jenis-jenis Tempat Letak Kereta	16
2.3.1	Tempat Letak Kereta Luar Jalan (Off-Street Parking)	16
2.3.2	Tempat Letak Kereta Pinggir Jalan (On Street Parking)	18
2.4	Klasifikasi Pusat Membeli-Belah	19
2.5	Konsep Tempat Letak Kereta	21
2.5.1	Konsep Khusus bagi Kemudahan Tempat Letak Kereta	22
2.5.2	Sistem Keselamatan Aktif Sebagai Sistem Tambahan di Tempat Letak Kereta	26
2.6	Pelaksanaan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	29
2.6.1	Pelaksanaan Tempat Letak Kereta Khas Wanita Di Malaysia	29
2.6.2	Pelaksanaan Tempat Letak Kereta Khas Wanita Di Luar Negara	31
2.7	Piawaiian Perancangan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	33
2.7.1	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Khas Wanita Di Pusat Membeli-Belah	34
2.7.2	Latar Belakang Garis Panduan Tempat Letak Kereta Khas Wanita Di Selangor	34
2.7.3	Skop Kerja Kebenaran Merancang Bagi Permohonan Tempat Letak Kereta Khas Wanita Di Selangor	35
2.7.4	Proses Kerja Kebenaran Merancang Tempat Letak Kereta	37

	Khas Wanita Di Selangor	
2.7.5	Elemen Yang Perlu Disediakan Di Tempat Letak Kereta Khas Wanita Di Selangor	39
2.7.6	Jumlah Keperluan Tempat Letak Kereta Khas Wanita Yang Perlu Disediakan	40
2.7.7	Tindakan Penguatkuasaan Yang Dikenakan	41
2.7.8	Syarat-Syarat Penggunaan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	41
2.7.9	Cadangan Tempat Perlu Menyediakan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	41
2.8	Rumusan	42
3	KES KAJIAN : TEMPAT LETAK KERETA KHAS WANITA DI TESCO EXTRA MUTIARA RINI, SKUDAI	
3.1	Pendahuluan	43
3.2	Latar Belakang Tesco Sdn. Bhd	43
3.3	Latar Belakang Tesco Stores (Malaysia) Sdn. Bhd	44
3.4	Latar Belakang Tesco Extra Mutiara Rini	45
3.5	Pihak Pengurusan Tesco Extra Mutiara Rini	48
3.6	Rekabentuk Tesco Extra Mutiara Rini	49
3.7	Pengurusan Tempat Letak Kereta di Tesco Extra Mutiara Rini	53
3.8	Penyediaan Tempat Letak Kereta Khas Wanita Di Tesco Extra Mutiara Rini	56
3.9	Rumusan	58
4	METODOLOGI DAN ANALISIS KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	59
4.2	Kaedah Penyelidikan	59
4.2.1	Kaedah Kualitatif	60
4.2.2	Kaedah Kuantitatif	61

4.3	Instrumen Kajian	61
4.3.1	Borang Temu Bual	61
4.3.2	Borang Soal Selidik	62
4.4	Kaedah Temu bual	64
4.5	Kaedah Analisis Data	65
4.6	Analisis Latar Belakang Responden	66
4.6.1	Responden Temu bual	66
4.6.2	Responden Borang Soal Selidik	67
4.7	Analisis Temu bual	71
4.7.1	Kecenderungan Penyediaan Kemudahan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	71
4.7.2	Perspektif Pihak Pengurusan Terhadap Penyediaan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	77
4.8	Analisis Borang Soal Selidik	79
4.8.1	Pengetahuan Responden Terhadap Kemudahan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	79
4.8.2	Perspektif Responden Terhadap Penyediaan Kemudahan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	85
4.9	Rumusan	92
5	PENEMUAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	94
5.2	Penemuan Dan Perbincangan Objektif Pertama	94
5.3	Penemuan Dan Perbincangan Objektif Kedua	95
5.3.1	Usaha Tesco (Malaysia) Sdn. Bhd	96
5.3.2	Menyahut saranan kerajaan bagi memartabatkan hak golongan wanita	96
5.3.3	Menyediakan Persekitaran Yang Selamat Dan Selesa Kepada Golongan Wanita	97
5.3.4	Mengurangkan Risiko Jenayah Di Kawasan Tesco Extra Mutiara Rini	97
5.4	Penemuan Dan Perbincangan Objektif Ketiga	98

5.4.1	Pengetahuan Responden Mengenai Kemudahan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	98
5.4.2	Perspektif Responden Terhadap Kemudahan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	100
5.5	Cadangan Penyelesaian	102
5.5.1	Memperluaskan Kesedaran Tentang Pentingnya Meningkatkan Keselamatan Wanita Kepada Orang Ramai	102
5.5.2	Pelaksanaan Mengikut Spesifikasi Peraturan Yang Disediakan	102
5.5.3	Menguatkuasakan Penyediaan Kemudahan Tempat Letak Kereta Khas Wanita Diseluruh Negeri	103
5.6	Limitasi Kajian	103
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	104
5.8	Penutup	104

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO	JADUAL	MUKA SURAT
2.1	Perbezaan diantara TLK Mengikut Kaedah CPTED dan Garis Panduan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	28
4.1	Taburan Item Borang Soal Selidik	63
4.2	Skala Penentuan	64
4.3	Latar Belakang Responden Yang Ditemubual	67
4.4	Kecenderungan Penyediaan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	73
4.5	Elemen Yang Terdapat Di Tempat Letak Kereta Khas Wanita	74
4.6	Elemen Yang Disediakan Dan Tidak Disediakan	75
4.7	Skala Yang Ditetapkan	87
4.8	Skala Setuju Responden Terhadap Penyediaan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	87

SENARAI RAJAH

NO	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Tempat Letak Kereta Pinggir Jalan	19
2.2	Tempat Letak Kereta Khas Wanita di Suria KLCC	30
2.3	Carta Alir Proses Kebenaran Merancang Tempat Letak Kereta Khas Wanita Di Pusat Membeli-Belah	37
3.1	Perasmian Tesco Extra Mutiara Rini	46
3.2	Lokasi Tesco Extra Mutiara Rini	47
3.3	Lokasi Tesco Extra Mutiara Rini	48
3.4	Carta Organisasi Pengurusan Tesco Extra Mutiara Rini	49
3.5	Tempat Letak Kereta Tesco Extra Mutiara Rini	50
3.6	Ruang Jualan Barangan Tesco Extra Mutiara Rini	52
3.7	Ruang Tempat Letak Kereta Khas Wanita Tesco Extra Mutiara Rini	56
3.8	Tempat Letak Kereta Khas Wanita Di Tesco Extra Mutiara Rini	57
3.9	Pelan Lantai Tempat Letak Kereta Khas Wanita Di Tesco Extra Mutiara Rini	58
4.1	Skala Keutamaan Mengikut Susunan Menaik Mengikut Darjah Kepentingan	63
4.2	Jantina Responden	68
4.3	Umur Responden	69
4.4	Bangsa Responden	70
4.5	Pengetahuan Responden Mengenai Parkir Khas Wanita	80
4.6	Responden yang Pernah Meletakkan Kenderaan Di Tempat Letak Kereta Khas Wanita	81

4.7	Responden Yang Mengetahui Tempat Letak Kereta Khas Wanita Hanya Untuk Pemandu Wanita Berseorangan Sahaja	82
4.8	Sumber Pengetahuan Mengenai Tempat Letak Kereta Khas Wanita	83
4.9	Pengetahuan Mengenai Elemen Tempat Letak Kereta Khas Wanita	84
4.10	Pandangan Responden Terhadap Tujuan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	85
4.11	Pandangan Terhadap Penyediaan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	86
4.12	Tahap Kepuasan Responden Terhadap Penyediaan Kemudahan Tempat Letak	89
4.13	Pemerhatian Responden Terhadap Golongan Selain Wanita Berseorangan Meletakkan Kenderaan Di Tempat Letak Kereta Khas Wanita	90
4.14	Pandangan Terhadap Penyediaan Tempat Letak Kereta Khas Wanita	91
4.15	Pandangan Responden Sekiranya Bilangan Kemudahan Tempat Letak Kereta Khas Wanita Ditambah	92

SENARAI SINGKATAN NAMA

JPBD	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa
PDRM	Polis Diraja Malaysia
SPBS	Sistem Pemantauan Bandar Selamat
NAPIC	Pusat Maklumat Harta Tanah Negara
MPK	Majlis Perbandaran Klang
MBJBT	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
YPJM	Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
CPS	Centre Point Sabah
CPTED	<i>Crime Prevention Throgh Environmental Design</i>
CCTV	<i>Closed Circuit Television</i>
LRT	<i>Light Rail Station</i>
VCR	<i>Vintage Camera Record</i>
NGO	<i>Non-goverment Organization</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
TLK	Tempat Letak Kereta

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

A	Borang Temu bual
B	Borang Soal Selidik
C	Garis Panduan Parkir Khas Wanita

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Mengikuti sejarah kemudahan untuk tempat letak kereta telah bermula pada awal tahun 1920an dan kesemua tempat letak kereta itu terletak di pusat bandar yang digunakan oleh orang-orang kaya dengan tujuan untuk melindungi cat kenderaan mereka. Ini bererti tempat letak kereta ini lebih merupakan tempat letak kereta bertutup iaitu seperti bangsal kereta yang juga mempunyai ruang atau bilik untuk para pemandu mereka berehat sambil menanti majikan mereka. Kelebaran setiap bangsal letak kereta ini adalah kira-kira 7 kaki. Bagi kawasan meletak kereta awam pula dijaga oleh ‘parking attendants’ di mana setiap kereta yang hendak diletakkan di kawasan meletak kereta akan dipandu oleh ‘parking attendants’ berkenaan. Maka kawasan meletak kereta pada masa tersebut mempunyai ruang masuk yang besar dan luas kerana para pemandu harus menanti giliran mereka untuk meletak kenderaan (George A. Devlin, 2014).

Dalam tahun-tahun 1950an rupa bentuk kawasan meletak kereta telah berubah dari keadaan bertutup kepada terbuka iaitu tidak berdinding untuk menjimatkan kos dan ini juga selari dengan perubahan struktur dan bentuk kereta pada masa itu. Pertengahan tahun-tahun 1950an juga telah melihat perubahan kaedah kepada pemandu sendiri untuk meletakkan kenderaan. Sistem tiket juga telah diperkenalkan. Mulai pertengahan tahun

1960an sehingga sekarang banyak berlaku perubahan terhadap kawasan meletak kereta di mana ia adalah berdasarkan ciri-ciri guna tanah dan memberikan lebih keselesaan kepada pengguna (George A. Devlin, 2014).

Definisi tempat letak kereta adalah dimaksudkan sebagai ruang dirancang yang meliputi petak atau lot letak kenderaan (driveway), laluan pelican crossing bagi OKU, siar kaki dan kawasan landskap. Bagi tempat letak kereta yang disediakan di bangunan atau kompleks, ia juga termasuk landas (ramp), ruang lobi serta tangga ke/dari tempat letak kenderaan (JPBD, 2011). Manakala Definisi tempat letak kereta khas wanita pula adalah tempat letak kereta yang ditetapkan khas dan tempat letak kereta yang dikenal pasti dalam garaj tempat letak kereta dan tempat letak kereta yang akan digunakan oleh wanita. Biasanya berhampiran pintu keluar untuk meningkatkan keselamatan wanita, bagi memudahkan untuk meletakkan kereta, atau untuk memudahkan wanita berjalan untuk membeli-belah atau menuju ke tempat bekerja (Clark & Edrew, 2015).

Sekitar tahun 2013, tempat letak kereta khas wanita mula dilaksanakan di Malaysia. Hal ini, adalah disebabkan oleh penularan kegiatan jenayah di kawasan tempat letak kereta di negara ini. Rata-rata mangsanya adalah terdiri golongan wanita, ahli perniagaan dan orang awam (Sinar Harian, 5 April 2013). Oleh itu, kerajaan telah mengambil langkah dengan menyarankan kemudahan tempat letak kereta khas wanita dilaksanakan di negara ini (Berita Harian, 21 Januari 2013). Tempat letak kereta khas wanita telah dilaksanakan di beberapa buah negara seperti Jerman, China dan Korea Selatan (Sinar Harian, 5 April 2013). Pelaksanaan penyediaan tempat letak kereta khas wanita ini adalah antara salah satu langkah dalam mengurangkan jenayah di tempat letak kereta dari terus menular terutama kepada kaum wanita kerana mereka adalah golongan yang menjadi tumpuan si penjenayah.

Oleh kerana kegiatan jenayah di kawasan tempat letak kereta semakin membimbangkan di negara ini maka cadangan penguatkuasaan langkah keselamatan

seperti pemasangan CCTV, penyediaan pengawal keselamatan dan tempat letak kereta khas wanita amat digalakkan (Berita Harian, 21 Januari 2013). Namun, apakah antara kecenderungan yang membuatkan terdapat pihak-pihak yang menyediakan kemudahan tempat letak kereta khas wanita ini? Adakah ianya disambut baik oleh mereka yang bertanggungjawab untuk menyediakan tempat letak kereta khas wanita ini di kawasan mereka serta bagaimana perspektif penyediaan tersebut dari orang awam. Demikian itu, kajian ini adalah untuk mengenalpasti apakah yang menjadi penyebab pihak berkenaan menyediakan kemudahan tersebut dan bagaimana pula perspektif masyarakat terhadap penyediaan tempat letak kereta khas wanita di negara ini khususnya di pusat membeli-belah.

1.2 Penyataan Masalah

Pada 28 April 2010, buat kali pertamanya koc khas untuk wanita mula diperkenalkan di dalam gerabak Kereta Api Tanah Melayu (KTM) komuter di negara ini. Kemudahan ini adalah bertujuan untuk memberikan keselesaan dan menjamin keselamatan penumpang wanita berikutan berlakunya kejadian seperti gangguan seksual dan sebagainya di dalam gerabak pengangkutan berkenaan (Berita Harian, 27 April 2010). Hal ini, menunjukkan usaha untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa kepada golongan wanita telah lama dilaksanakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab di negara ini. Begitu juga dengan penyediaan kemudahan tempat letak kereta khas wanita atau juga dikenali sebagai parkir khas wanita (Ladies Parking) di pusat-pusat membeli-belah sekitar negara. Penyediaan kemudahan tempat letak kereta khas wanita di negara ini telah dilaksanakan sekitar tahun 2013 dan penggunaannya adalah hanya untuk pemandu wanita yang berseorangan sahaja (Berita Harian, 21 Januari 2013).

Antara kes jenayah yang pernah direkodkan berlaku di tempat letak kereta adalah pada Jun 2003, di mana negara telah digemparkan dengan satu kes pembunuhan dan rogol ke atas seorang penganalisis teknologi maklumat (IT) Canny Ong Lay Kian, 29. Kejadian menyayat hati itu didakwa berlaku kira-kira pukul 10.30 malam pada 13 Jun 2003 apabila Canny yang ditemani ibunya, Pearly Visvanathan dan adik perempuannya menghadiri majlis di sebuah pusat membeli-belah di ibu negara. Selepas memasuki bangunan, Canny dikatakan berpatah balik seorang diri ke keretanya tetapi tidak kembali kepada ibu serta adiknya dan dipercayai diculik di tempat letak kereta. Empat hari kemudian, mayat Canny ditemui rentung dan tertanam dengan kedua-dua belah tangannya berikat di dalam longkang di Jalan Klang Lama. Akibat kejadian itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) mengarahkan setiap pusat membeli-belah di negara ini memasang kamera litar tertutup di kawasan tempat letak kereta bagi membolehkan dan memudahkan tindakan segera diambil jika berlakunya kejadian jenayah (Utusan, 2003).

Pusat membeli-belah pertama yang menyediakan kemudahan tersebut adalah di Suria KLCC, Kuala Lumpur. Kemudahan tersebut telah dilaksanakan pada Januari 2013 dan dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC iaitu Andrew Brien (Berita Harian, 21 Januari 2013). Menurut beliau usaha mereka untuk menyediakan kemudahan tempat letak kereta khas wanita adalah setelah menyedari hakikat keselamatan pelanggan mereka adalah amat penting. Selain itu, usaha mereka juga adalah sebagai meyahut seruan untuk menyediakan kemudahan parkir khusus bagi golongan wanita (Berita Harian, 21 Januari 2013). Berikutan daripada pelaksanaan penyediaan kemudahan tempat letak kereta khas wanita yang dilaksanakan oleh pihak pusat membeli-belah Suria KLCC, semakin banyak pusat membeli-belah sekitar negara menyediakan kemudahan tersebut antaranya Mid Valley Megamall, 1Borneo Hypermall, Centre Point Sabah, pasaraya besar seperti Tesco Sdn Bhd dan sebagai.

Selain itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di Selangor juga tidak ketinggalan berusaha untuk menyediakan kemudahan tersebut. Pihak MBPJ telah melancarkan kemudahan tempat letak kereta khas wanita di Pusat Bandar Seksyen 52

bagi tujuan untuk menangani isu keselamatan golongan wanita yang semakin meningkat di daerah tersebut (Selangor Kini, 30 Mac 2014). Pelancaran tersebut telah di rasmikan oleh Datuk Bandar MBPJ iaitu Datin Paduka Alinah Ahmad. Menurut beliau tempat letak kereta berkenaan turut di lengkapi oleh pengawal keselamatan dan kamera litar tertutup (CCTV) bagi tujuan memantau keselamatan pemandu wanita khususnya yang berseorangan. Berikutan pelancaran berkenaan pihak MBPJ juga telah mengeluarkan arahan agar semua premis komersial di daerah berkenaan menyediakan kemudahan tersebut jika gagal permit mereka tidak dapat diperbaharui.

Oleh yang demikian, menunjukkan sambutan terhadap penyediaan kemudahan tempat letak kereta khas wanita di negara ini semakin baik dan bilangannya juga semakin bertambah. Namun, berdasarkan kepada statistik Polis Diraja Malaysia pula, statistik menunjukkan kes jenayah indeks negara dari tahun 2011 hingga 2016 adalah menurun iaitu dari 166, 295 kes kepada 103, 346 kes. Hal ini, menunjukkan kadar jenayah di negara ini semakin baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, yang menjadi persoalannya dalam kajian ini adalah adakah perlu pihak bertanggungjawab di negara ini terus menyediakan kemudahan untuk golongan wanita di negara ini khususnya kemudahan tempat letak kereta khas wanita sedangkan statistik menunjukkan ianya berada di tahap yang tidak membimbangkan serta mengapa bilangannya makin bertambah walaupun tiada penguatkuasaan wajib keatas pelaksanaannya di seluruh negeri? Oleh itu, apakah yang menjadi kecenderungan mereka untuk melaksanakan kemudahan ini walaupun ianya kelihatan seperti tidak diperlukan dan bagaimana pula perspektif masyarakat terhadap penyediaan kemudahan berkenaan. Berikut merupakan persoalan yang dibangkitkan dalam kajian ini dan akan terus dikupas oleh pengkaji menerusi matlamat dan objektif kajian yang telah digariskan.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian adalah untuk mengkaji inisiatif pihak pengurusan pusat membeli-belah dalam menyediakan kemudahan yang dapat meningkatkan tahap keselamatan golongan wanita iaitu melalui penyediaan kemudahan tempat letak kereta khas wanita di pusat membeli-belah mereka.

1.4 Objektif Kajian

Matlamat kajian ini dapat dicapai melalui beberapa objektif yang digariskan iaitu:

1. Mengenalpasti konsep, garis panduan dan pelaksanaan kemudahan tempat letak kereta khas wanita di Malaysia
2. Mengkaji kecenderungan penyediaan kemudahan tempat letak kereta khas wanita dari pihak pengurusan pusat membeli-belah
3. Menilai perspektif masyarakat terhadap penyediaan kemudahan tempat letak kereta khas wanita di pusat membeli-belah

1.5 Skop Kajian

Secara amnya, kajian ini adalah tertumpu kepada tujuan penyediaan tempat letak kereta khas wanita di negara ini dengan melihat kepada kecenderungan penyediaannya dari pihak pengurusan pusat membeli-belah serta perspektif masyarakat terhadap penyediaannya di pusat membeli-belah. Hal ini, menunjukkan kajian ini berlainan dengan kajian-kajian lepas antaranya seperti kajian Sistem Letak Kereta Bayar dan Peraga Di Bandar Kuala Kangsar oleh Abdul Razak Shahbudin (1999), Analisis

Penyediaan Tempat Letak Kereta Mengikut Jenis Gunatanah Bandar-bandar di Malaysia oleh Mohd Noor Awang (2003) dan Masalah Tempat Letak Kereta Di pusat Bandar Kota Bahru oleh Hartini Noh (1993). Oleh itu, kajian yang bakal dijalankan adalah berlainan dari kajian lepas dan kajian ini akan dijalankan di pasaraya besar Tesco Extra Mutiara Rini, Skudai.

1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan yang dapat diperolehi hasil daripada kajian ini. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan faedah kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti:

a) Pihak Berkuasa Tempatan

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan peraturan atau garis panduan yang lebih sesuai bagi kemudahan tempat letak kereta khas wanita ini terutamanya di pusat membeli-belah. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara juga dapat menyediakan garis panduan yang lebih seragam untuk digunapakai oleh pusat membeli-belah yang menyediakan kemudahan tersebut. Hal ini, adalah bagi mengelak kecelaruan dan ketidaksamaan dari segi peraturannya.

b) Pihak Pengurusan Pusat Membeli-belah

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak pengurusan pusat membeli-belah dan sebagai rujukan berguna dalam menyediakan kemudahan tempat letak kereta khas wanita yang lebih sistematik mengikut spesifikasi garis panduan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan. Selain itu, juga bagi menggalak pihak

pengurusan pusat membeli-belah di negara ini untuk menyediakan kemudahan tempat letak kereta khas wanita yang lebih banyak lagi selaras usaha untuk memartabatkan golongan wanita di negara ini.

c) Orang Awam

Selain itu, pengkaji juga mengharapkan hasil kajian ini dapat membantu dan memberi kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya berkerjasama dalam memartabatkan hak golongan wanita di negara ini. Selain itu, juga untuk memberi kefahaman yang lebih luas kepada orang ramai terhadap kemudahan tempat letak kereta khas wanita agar tiada kecelaruan terhadap penggunaannya.

1.7 Metodologi Kajian

Dalam menghasilkan penulisan kajian ini, pengkaji akan merangkakan satu penyusunan langkah kerja di sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Ini adalah untuk memastikan matlamat dan objektif dapat dicapai serta aspek-aspek penting yang perlu dimasukkan tidak diabaikan. Metodologi kajian ini terbahagi kepada lima peringkat seperti berikut:

1.7.1 Peringkat Kajian Awalan

Mengenalpasti tajuk serta isu atau permasalahan yang akan dikaji, menetapkan matlamat serta objektif kajian dan mengenalpasti skop kajian yang akan dijalankan. Kajian awalan ini dijalankan melalui perbincangan yang dibuat dengan penyelia serta pencarian melalui bahan bacaan serta sumber internet.

1.7.2 Peringkat Kajian Literatur

Pengkaji akan mendapatkan gambaran dan pemahaman awal tentang konsep-konsep asas dalam kajian yang akan dijalankan. Konsep-konsep ini termasuk definisi tempat letak kereta, jenis-jenis tempat letak kereta dan garis panduan yang telah digunakan. Kajian ini dijalankan ke atas data sekunder yang diperolehi dari bahan bacaan seperti buku, majalah, akhbar, laporan, jurnal dan artikel dari sumber internet.

1.7.3 Peringkat Kajian Lapangan

Pada peringkat ini, pengkaji akan memberi gambaran jelas tentang situasi sebenar isu yang dikaji bagi kes dan kawasan kajian. Matlumat yang diperlukan untuk melaksanakan kajian pada peringkat ini melibatkan dua jenis pengumpulan data iaitu pengumpulan data primer dan data sekunder. Hasil daripada data-data yang diperolehi tersebut akan digunakan bagi memastikan setiap objektif kajian ini tercapai.

Data primer diperolehi melalui hasil temubual dengan pihak pengurusan beberapa pusat membeli-belah di Tesco Extra Mutiara Rini, Skudai serta pengedaran borang soal selidik kepada orang awam terhadap perspektif mereka kepada penyediaan tempat letak kereta khas wanita di pusat membeli-belah.

1.7.4 Peringkat Analisis Kajian

Pada peringkat ini, data yang diperolehi akan dianalisis dengan kaedah-kaedah yang bersesuaian bagi mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan. Data primer dan data sekunder yang telah dikumpulkan akan diolah dan dikemaskini supaya menjadi suatu maklumat yang berguna untuk digunakan dalam analisis. Kaedah analisis kualitatif secara diskriptif akan digunakan untuk menganalisis data jenis primer yang diperolehi

melalui temubual bersama pihak pengurusan pusat membeli-belah manakala analisis kaedah kuantatif keatas borang soal selidik yang dijawab oleh orang awam terhadap perspektif mereka juga akan dijalankan. Penemuan hasil kajian adalah bergantung kepada analisis data bagi memastikan setiap objektif kajian tercapai.

1.7.5 Peringkat Rumusan Dan Cadangan

Peringkat ini merupakan peringkat terakhir yang akan melibatkan proses merumuskan keseluruhan kajian yang dijalankan. Rumusan akan dibuat secara teliti agar hasil penulisan akan mencapai matlamat dan objektif sebenar bagi kajian ini.

1.8 Susunatur Bab

Susunatur bab ini dapat memastikan kajian ini dibuat secara teratur dan pembaca mudah untuk memahami kandungan kajian ini. Isi yang terkandung dalam setiap bab adalah berbeza namun berhubung kait antara satu sama lain.

Bab satu merupakan bab pengenalan terhadap tajuk kajian. Pengkaji akan menerangkan berkaitan tajuk bab, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metologi kajian dan susunatur bab.

Bab kedua pula akan memberikan penerangan berkaitan perkara berkaitan tajuk kajian serta juga bagi mencapai objektif pertama kajian. Bab ini adalah penulisan berkaitan objektif pertama kajian di mana maklumat diperolehi daripada data sekunder iaiti dari bacaan terhadap kajian lepas, surat khabar, sumber internet dan sebagainya.

Bab ketiga akan menjelaskan berkaitan latar belakang kajian ini dibuat. Penerangan mengenai kawasan, lokasi bangunan, bentuk bangunan, carta organisasi dan pihak yang terlibat akan diterangkan dengan lebih terperinci.

Bab keempat akan menerangkan mengenai metodologi kajian dan hasil analisis kajian yang diperolehi dari kaedah temu bual dan borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden kajian. Bab ini akan menerangkan setiap analisis yang dibuat dengan lebih jelas untuk disimpulkan di bab seterusnya.

Bab kelima adalah bab mengenai penemuan dan perbincangan terhadap hasil analisis yang telah dibuat di bab sebelum ini. Penemuan ini akan memnunjukkan hasil kejayaan kajian samaada ia mencapai objektif yang telah digariskan atau pun tidak.

Bab ketujuh merupakan bab terakhir bagi kajian ini di mana ia akan menyimpulkan keseluruhan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji. Di dalam bab ini juga akan disertakan dengan beberapa cadangan peyelesaian dan juga candangan kajian lanjutan.

BIBLIOGRAFI

- "Bureau of Justice Statistics (BJS) - Location." Bureau of Justice Statistics (BJS) - Location. N.p., n.d. Web. 15 Mar. 2016.
- "China's Pink Women-Only Parking Spots Spark a Backlash". *WSJ*. Retrieved 28 August 2015.
- "Chinese Mall To Open Special Parking Lot Just For Women". *Usatoday.Com*. Retrieved 28 August 2015.
- "German mayor defends 'men only' parking spaces". *the Guardian*. Retrieved 28 August 2015.
- "Honk for Equality." Global Citizen. N.p., n.d. Web. 21 Apr. 2016.
- "Massachusetts News, Weather, Photos, Events - Western Mass News - WGGB/WSHM". Retrieved 28 August 2015.
- "Parking for Women Only". *WSJ*. Retrieved 28 August 2015.
- "S Korea Introduces Female Only Parking Spots". *New York Daily News*.
- "South Korea introduces women-only parking spaces". *Mail Online*. Retrieved 28 August 2015.
- "The Debate over Germany's 'sexist' Women-only Parking Spaces." Washington Post. The Washington Post, 10 Aug. 2015. Web. 15 Mar. 2016.
- "There Are 'Women Only' Parking Spots In China That Are Extra-Wide And Pink". *BuzzFeed*. Retrieved 28 August 2015.
- "Women-only Parking Spaces Discriminatory?" Women-only Parking Spaces Discriminatory? - Academic Photo News. N.p., 19 Aug. 2015. Web. 15 Mar. 2016.

- Abdul Razak Shahbudin, 2009. Kajian Sistem Letak Kereta Bayar Dan Peraga Di Bandar Kuala Kangsar. Latihan Ilmiah, Rancangan Pengajian Perbandaran Dan Perancangan.
- ACLA (1992), "Enforcement of Parking Regulation", The Audit Commission for
- ACTO (1986), "A Guide to Car Parking Management", Association of Chief Technical Officers.
- ADC (1993) "Parking Policy", Association of District Council Seminar, December.
- Ainur Zaireen Zainudin & Jalaluddin Abdul Malek (2010), Keberkesanan Program Bandar Selamat Dari Persepsi Penduduk Kajian Kes: Bandaraya Shah Alam, UTM.
- Alberta, Gila, Mahalel, David (2006). Congestion tolls and parking fees: A comparison of the potential effect on travel behaviour, *Transport Policy*, Volume 13, Issue 6, pp.496-502.
- Axhausen, Kay.W., Polak, John W. (1991). Choice of parking: Stated preference approach, *Transportation*, no.18, pp.59-81.
- Bonsall, P.W. (1991). The changing face of parking-related data collection and analysis: The role of new technologies, *Transportation* 18, pp. 83-106.
- Bradley M. et al, (1986), Clamp: A Model to Stimulate Parking Behaviour in Town
- Brantingham, P., Brantingham, P., and Wong, P.S. (1991) "How Public Transit Feeds Private Crimes: Notes on the Vancouver Skytrain Experience", *Security Journal* 2, no. 2:91-95.
- Catherine Morency Martin Trépanier (2008), Characterizing Parking Spaces Using Travel Survey Data, Interuniversity Research Centre on Enterprise Networks, Logistics and Transportation (CIRRELT, Département des génies civil, géologique et des mines, École Polytechnique de Montréal, C.P. 6079, succursale Centre-ville, Montréal, Canada H3C 3A7
- Centres, Proceedings of the UTSG Conference, Cardiff, January 1986.
- Cheng, E. W.L., Li, H. & Yu, L. 2005. The analytical network process (ANP) approach to location selection: a shopping mall illustration. *Construction Innovation* Vol. 5:83-97.

Clark, Andrew. "Germany's Women-only Parking Spaces: Sexism or Safety?" The Globe and Mail. Special to The Globe and Mail, 27 Aug. 2015. Web. 15 Mar. 2016.

Dennis C, Marsland D, Cockett T (2001) The mystery of consumer behavior: market segmentation and shoppers' choices of shopping centres. International Journal of New Product Development and Innovation Management 3(3), 221-237.

Department of Transport, UK.

Developments", Department of the Environment, U.K.

DOE (1996), Revised Planning Policy Guidance Note 6: "Town Centres and Retail

DOT (1995a), Circular 1/95, WO 20/95. "Guidance on Decriminalised Parking

DOT (1995b) Traffic Advisory Leaflet 5/95, "parking for Disabled People,

DOT/LAA (1987), "Traffic and Parking: Tapworth Report", Department of Transport and Local Authority Association, U.K.

Enforcement Outside London", HMSO.

Focus Online: Deutschlands erste Männerparkplätze: Ist das sexistisch? Hier rangieren nur echte Kerle, abgerufen am 15. Juli 2012.

Garis panduan Parkir Khas Untuk Wanita Di Semua Pusat Membeli-Belah Di Negeri Selangor, 2013. Majlis Perbandaran Klang.

Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan, 2011. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa.

Global Times: Women only parking

Hartini Noh, 1993, Masalah Tempat Letak Kereta Di Pusat Bandar Kota Bahr, Fakulti Seni Bina, Itm.

Hill, J.D, Shenton C.C, and Arnold, A.J. (1987) "Multi -storey Car Parks" British Steel Corporation.

Institute of Transportation Engineers (1995), Shared Parking Planning Guidelines, ITE.

Institute of Transportation Engineers (2nd Edition), (1987), Parking Generation,

Institution of Highways and Transportation and Institute of Structural Engineers (1984), "Design Recommendations for Multi-storey and Underground Car Parks (2nd Edition), IHT/ IStructE, U.K.

Kompas, 22 Desember 2009, Maaf, Ini Tempat Parkir Khusus Wanita

Local Authorities and the NHS in England and Wales. No 11.

- Mark Brown (1991), *Car Parking: The Economics of Policy Enforcement*, Cranfield
- Mary S. Smith (1996), *Crime Prevention Through Environmental Design in Parking Facilities*, National Institute of Justice
- Mohd Noor Awang, 2003, *Analisis Penyediaan Tempat Letak Kereta Mengikut Jenis Gunatanah Bandar- Bandar Di Malaysia*, Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Fakulti Alam Bina Universiti Teknologi Malaysia.
- National Association of Industrial and Office Parks (1986), *Parking for Industrial and*
- NEDO (1991), "Company Car Parking", National Economic Development Office, Traffic Management Systems Working Party (April), NEDO.
- Nicholson, J (1995), *Parking in Town Centres – The Key to Sustainability*, Highways & Transportation, 42(11).
- Office Parks : Planning, Design, Construction and Maintenance, NAIOP, Arlington, Virginia.
- Parking, ULI, Washington.
- PCfL (1993), *Parking Committee for London, "Code of Practice on Parking Enforcement"* Shaw & Sons Limited.
- Press, Bedford, England
- Shu-Pei, T. 2010. Shopping mall management and entertainment experience: across-regional investigation. *The Service Industries Journal*. Vol. 30(3): 321- 337.
- Sun, Yazhou. "These 'Women Only' Parking Spots Are Extra-Wide and Pink." ABC News. ABC News Network, n.d. Web. 21 Apr. 2016.
- Trani C et al. (1991), "Parking Policies" PIARC.
- Urban Land Institute (1983), *Shared Parking*, ULI, Washington.
- Urban Land Institute and National Parking Association (1990), *The Dimension of*
- Virginia Scharff, *NWSA Journal*, Vol. 1, No. 1 (Autumn, 1988), pp. 37-51, *Of Parking Spaces and Women's Places: The Los Angeles Parking Ban of 1920*.
- Washington.
- Washington.
- Will High-Heel-Friendly Streets Keep Seoul's Women Happy?, *Time*, 2009

Laman Rasmi Tesco Malaysia Sdn Bhd.

<http://www.tesco.com.my/promotions/promotions-contest.aspx?ItemID=583>

Berita Harian, 27 April 2010

<http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/KocKomuterkhususuntukwanitabermulaesok/Article/>

Berita sinar Harian, 2013. <http://www.sinarharian.com.my/semasa/jenayah-parkir-pusat-beli-belah-1.69231>

Berita Utusan, 2012.

<https://play.google.com/store/apps/details?id=air.my.com.utusan&hl=en>

Berita Astro Awani, 2012. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/7-tempat-letak-kereta-untuk-pemandu-wanita-4123>

Mstar, 2012. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2012/06/10/halang-jenayah-tempat-letak-kereta/>

The Bornea Post, 2013. <http://www.theborneopost.com/2013/04/04/cps-sediakan-zon-parkir-khas-wanita/> <http://www.today.com/news/chinese-city-creates-wider-women-only-parking-spots-calls-t96031>

Selangor Kini, 30 Mac 2014 <https://selangorkini.my/2014/03/mbpj-tingkat-aspek-keselamatan-lancar-tempat-letak-kereta-khas-wanita/>

The star, 24 Januari 2013

<http://www.thestar.com.my/news/community/2013/01/24/womenonly-parking-bays-at-suria-klcc/>

Utusan Online, 26 Februari 2013

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Feminin/20130226/fe_01/Untuk-keselamatan-wanita

New Strait Time, 29 November 2016 <http://www.straitstimes.com/asia/se-asia/woman-in-malaysia-robbed-by-trio-after-parking-in-lonely-spot-in-bukit-indah>

The Malay Mail Online, 1 Februari 2016

<http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/online-storm-over-peter-cheng-the-man-who-tried-to-use-a-ladies-only-parking>